

# Abdullah bimbang jenayah ragut menjadi-jadi

KUANTAN 11 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyelar masyarakat yang bersikap dingin dan tidak prihatin terhadap perkara yang berlaku di persekitaran mereka terutama dalam usaha membanteras jenayah ragut yang kini semakin menjadi-jadi.

Beliau melahirkan rasa kesalnya dengan sikap rakyat yang lebih mementingkan diri sendiri sehingga menyebabkan peragut menjadi semakin berani untuk melakukan jenayah itu di tempat terbuka.

"Saya berasa amat kesal kenapa sampai jadi begitu, sampai tak nak rasa hendak tolong, tahu orang itu (mangsa ragut) minta tolong, tetapi saya tak tahu apa yang

ada dalam fikiran mereka sama ada takut ke atan tak mahu ambil peduli mengenai hal orang lain.

"Mungkin dia ingat ini bukan kes dia, jadi, dia tak mahu terlibat agaknya, lelaki pun ada, tetapi mereka tengok sahaja, yang dia (mangsa) jerit tolong... tolong tapi tak ada seorang pun yang hendak datang menolong," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke tapak Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sewa Rumah Pangsa Kos Rendah Permatang Pak Mahat, di sini hari ini.

Projek tersebut yang, dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Perumahan Untuk Ter-

miskin (YPUT) dibina bagi dimanfaatkan untuk kemudahan rakyat Pahang dengan kadar sewa yang rendah.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Lumpur, Dr. Nasharuddin Zainuddin.

Abdullah mengulas isu tersebut berdasarkan laporan yang diterimanya baru-baru ini mengenai peningkatan kes ragut, tetapi pada masa yang sama, masyarakat mengambil sikap tidak ambil peduli.

Sepatutnya, kata beliau, rakyat perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha untuk membanteras jenayah

ragut bagi mengelakkan ia menjadi bertambah parah.

"Ini jika dibiarkan dan seolah-olah bukan masalah mereka sehingga tidak ambil kisah, sebab itulah peragut dah jadi mengada-ngada kerana dia tahu dia akan selamat walaupun dia bergelut dengan mangsa, orang lain takkan bantu mangsa... inilah kisah benar yang berlaku di Kuala Lumpur.

"Kita kena tengok, apabila kita tahu ada kejadian ragut dan ada orang yang akan bantu untuk mencegah walaupun di luar tempat meletak kereta, tak kiralah mangsa itu wanita ke lelaki keluarlah pergi tolong," katanya.